

Menjana Minda  
Kreatif dan Inovatif



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# **GARIS PANDUAN POLISI KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK**

Pejabat Pendaftar  
Seksyen Dasar & Peraturan  
Bahagian Pengurusan Modal Insan  
**SINERGI TERAS KUALITI**

Edisi Pertama

© Universiti Teknologi Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Skudai, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garis Panduan Polisi Kenaikan Pangkat Staf Akademik Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

1. Polisi Kenaikan Pangkat Staf Akademik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Garis Panduan dan Kriteria Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik Universiti Putra Malaysia (UPM).
3. Panduan Permohonan Kenaikan Pangkat ke Gred yang Lebih Tinggi bagi Kakitangan Akademik.

Pereka Kulit : Unit Grafik, Bahagian Hal Ehwal Korporat, Pejabat Naib Canselor

ISBN 978-983-9805-84-0

Diterbitkan di Malaysia oleh:  
Pejabat Pendaftar  
Seksyen Dasar dan Peraturan  
Bahagian Pengurusan Modal Insan  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Skudai, Johor Darul Ta'zim,  
MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh:

<b>KANDUNGAN</b>		<i>i</i>
<b>KATA PENGANTAR</b>		<i>v</i>
<b>PRAKATA</b>		<i>vi</i>
<b>PENGHARGAAN</b>		<i>vii</i>
<b>KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI</b>		<i>viii</i>
<b>PENDAHULUAN</b>	Sejarah Penubuhan UTM	1
	Latar Belakang Universiti	2
	Sejarah Pentadbiran Universiti	3
	Falsafah Universiti	4
	Carta Organisasi	5
	Objektif Penerbitan	5
	Punca Kuasa	6
<b>BAHAGIAN 1</b>	<b>DEFINISI ISTILAH KENAIKAN PANGKAT</b>	
1.1	Definisi Istilah Kenaikan Pangkat	7
1.2	Peranan dan Tanggungjawab	10
1.3	Urus Setia Kenaikan Pangkat	13
1.4	Jawatankuasa Pemilihan bagi Pelantikan ke Jawatan Guru Selain Kursi	14
1.5	Jawatankuasa Pemilihan bagi Pelantikan ke Satu Jawatan Kursi	14
1.6	Iklan dan Hebahan Pelawaan Kenaikan Pangkat	15
<b>BAHAGIAN 2</b>	<b>KRITERIA KENAIKAN PANGKAT</b>	
2.1	Syarat Skim Perkhidmatan	
	2.1.1 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Pensyarah Kanan (Gred DS52)	16
	2.1.2 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Madya (Gred DS54)	16
	2.1.3 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas Gred C (VK7)	17

2.1.4	Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dalam Keadaan Istimewa	17
2.1.5	Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas yang Lebih Tinggi	17
2.2	Syarat Minimum Kenaikan Pangkat Mengikut Skim	
2.2.1	Syarat Umum	18
2.2.2	Kriteria Utama dan Taburan Markah Bagi Kenaikan Pangkat Staf Akademik UTM	19
2.3	Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat	
2.3.1	Bidang Sains dan Teknologi	19
2.3.2	Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan	19
2.4	Ringkasan Peratusan	20
2.5	Pemilihan	20

### **BAHAGIAN 3 PERIHAL MENGENAI KENAIKAN PANGKAT**

3.1	Prinsip Penetapan Gaji bagi Kenaikan Pangkat	21
3.2	Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan	21
3.3	Tarikh Kenaikan Pangkat	22
3.4	Staf yang Bercuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Belajar Berbiasiswa, Cuti Separuh Gaji, dan Tanpa Gaji	22
3.5	Staf yang Dilantik Secara Kontrak, Sementara, Sambilan dan sebagainya	23
3.6	Staf yang Dilantik Secara Pertukaran Sementara dan Pinjaman	23
3.7	Staf yang Dilantik Memegang Jawatan Pentadbir Akademik	23
3.8	Prestasi Staf Akademik	23
3.9	Kelayakan Penilaian Tahap Kecekapan untuk Kenaikan Pangkat Staf Akademik	24

3.10	Jadual Tahap Kecekapan untuk Staf Akademik	25
3.11	Laporan Penilai Luar untuk Permohonan Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Madya	25
3.12	Laporan Penilai Luar untuk Permohonan Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor	26
3.13	Laporan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan bagi Permohonan Kenaikan Pangkat Staf Akademik	26
3.14	Bayaran untuk Penilai Luar dan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan	27
3.15	Pengecualian Syarat	28
3.16	Panduan Pelaksanaan	28
<b>LAMPIRAN 1</b>	<b>Terma Rujukan Penilai Luar (<i>Referee</i>)</b>	29
<b>LAMPIRAN 2</b>	<b>Terma Rujukan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan (<i>Peer Review Committee</i>)</b>	30
<b>LAMPIRAN 3</b>	<b>Contoh Surat Permohonan Kenaikan Pangkat Staf Akademik</b>	31
<b>LAMPIRAN 4</b>	<b>Pernyataan Peribadi</b>	33
<b>LAMPIRAN 5</b>	<b>Format <i>Curriculum Vitae</i> (CV)</b>	34
<b>LAMPIRAN 6</b>	<b>Carta Aliran Proses Kenaikan Pangkat Staf Akademik</b>	35
<b>LAMPIRAN 7a</b>	<b>Sub-Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains dan Teknologi (Pensyarah Gred DS52)</b>	36
<b>LAMPIRAN 7b</b>	<b>Sub-Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains dan Teknologi (Profesor Madya Gred DS54)</b>	37
<b>LAMPIRAN 7c</b>	<b>Sub-Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains dan Teknologi (Profesor Gred VK7)</b>	38
<b>LAMPIRAN 7d</b>	<b>Sub-Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains dan Teknologi (Profesor Gred VK6)</b>	39
<b>LAMPIRAN 7e</b>	<b>Sub-Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains dan Teknologi (Profesor Gred VK5)</b>	40

<b>LAMPIRAN 8a</b>	<b>Sub-Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan (Pensyarah Gred DS52)</b>	41
<b>LAMPIRAN 8b</b>	<b>Sub-Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan (Profesor Madya Gred D54)</b>	42
<b>LAMPIRAN 8c</b>	<b>Sub-Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan (Profesor Gred VK7)</b>	43
<b>LAMPIRAN 8d</b>	<b>Sub-Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan (Profesor Gred VK6)</b>	44
<b>LAMPIRAN 8e</b>	<b>Sub-Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Bagi Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan (Profesor Gred VK5)</b>	45
<b>LAMPIRAN 9</b>	<b>Kriteria Tambahan (Untuk Pertimbangan Panel Penilai/Temuduga)</b>	46
<b>LAMPIRAN 10</b>	<b>Ringkasan Peratusan Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat Staf Akademik</b>	47
<b>LAMPIRAN 11</b>	<b>Proses Kerja Pengurusan Laporan Penilai Luar</b>	48
<b>LAMPIRAN 12</b>	<b>Proses Kerja Pengurusan Laporan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan</b>	49
<b>RUJUKAN</b>		50
<b>SETULUS PENGHARGAAN</b>		51
<b>JAWATANKUASA PENGGERAK</b>		52
<b>URUS SETIA</b>		53

## KATA PENGANTAR



*Assalamualaikum wr. wbt dan Salam Sejahtera,*

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak khususnya Bahagian Pengurusan Modal Insan (Seksyen Dasar dan Peraturan), Pejabat Pendaftar dalam menerbitkan buku *Garis Panduan Polisi Kenaikan Pangkat Staf Akademik Universiti Teknologi Malaysia (UTM)* ini. Sebagai Universiti yang sejak awal penubuhannya berpaksi mendaulatkan tradisi ilmu, UTM akan mendokumentasikan buku *Garis Panduan Polisi Kenaikan Pangkat Staf Akademik UTM* ini sebagai satu naskah penting yang akan menjadi panduan dan rujukan kepada seluruh warga UTM, khususnya staf akademik.

Saya melihat tujuan penyediaan buku garis panduan ini adalah untuk memberikan maklumat yang tepat secara telus kepada semua staf akademik berhubung proses dan kriteria yang digunakan dalam menilai dan memberi kenaikan pangkat kepada staf akademik. Langkah ini sekaligus memperlihatkan hala tuju dan perancangan Universiti keseluruhannya untuk difahami dan dihayati oleh seluruh staf khususnya staf akademik. Penerbitan naskah ini juga merupakan usaha Universiti untuk menyediakan polisi kenaikan pangkat staf akademik yang lebih mantap dan telus, selari dengan objektif sebagai “*Research University*” dan *perjalanan mendapatkan penganugerahan sebagai APEX University*.

Kepada Jawatankuasa Penggerak dan Urus Setia yang bertanggungjawab, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah sekali lagi atas penerbitan buku *Garis Panduan Polisi Kenaikan Pangkat Staf Akademik UTM*.

Sekian, terima kasih.

**Zaini bin Ujang**

Naib Canselor

Universiti Teknologi Malaysia

2010



## PRAKATA



*Assalamualaikum wr. wbt dan Salam Sejahtera,*

Kenaikan Pangkat merupakan satu inisiatif Pihak Pengurusan Universiti di dalam mengiktiraf sumbangan dan pencapaian staf. Ia juga merupakan salah satu kaedah untuk meningkatkan tahap motivasi staf supaya lebih kreatif dan inovatif di dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Sistem kenaikan pangkat staf akademik yang diperkenalkan ini secara tidak langsung mempunyai kekuatan yang tersendiri di mana kriteria utama yang ditetapkan mampu mengekalkan status Universiti Penyelidikan (*Research University*) yang telah dianugerahkan kepada Universiti Teknologi Malaysia. Di samping itu, kriteria penilaian kenaikan pangkat ini juga mengambil kira beberapa elemen di dalam membantu Universiti mencapai misi untuk menjadi sebuah Universiti *APEX*.

Penerbitan buku panduan ini diharapkan dapat membantu kesemua pihak yang terlibat di dalam proses kenaikan pangkat staf akademik supaya mengamalkan sistem yang seragam untuk memastikan proses tersebut dilaksanakan secara adil dan telus. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penggerak dan Urus Setia di atas kerja keras dan usaha yang diberikan di dalam menyediakan sistem kenaikan pangkat staf akademik yang komprehensif dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**Marzuki bin Khalid**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Universiti Teknologi Malaysia

2010





## PENGHARGAAN



*Assalamualaikum wr. wbt dan Salam Sejahtera,*

Saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya buku *Garis Panduan Polisi Kenaikan Pangkat Staf Akademik Universiti Teknologi Malaysia* dapat diterbitkan.

Sebagai sebuah pusat pengurusan Universiti, Pejabat Pendaftar, Bahagian Pengurusan Modal Insan, sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan akademik yang cekap, mantap, dan telus. Buku garis panduan ini diharap dapat membantu staf akademik bagi memahami konsep dan prosedur kenaikan pangkat yang dilaksanakan oleh Universiti ini.

Penerbitan buku ini adalah bertujuan untuk memberi maklumat yang jelas mengenai proses dan prosedur kenaikan pangkat yang sedang berkuatkuasa di UTM, di samping menetapkan satu peraturan yang standard bagi semua fakulti untuk diguna pakai oleh pemohon, Ketua Jabatan, Dekan, dan pentadbir yang terlibat. Selain itu, dengan terbitnya buku panduan ini secara tidak langsung akan memudahkan pemohon untuk mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil sebelum memohon kenaikan pangkat bagi sesuatu jawatan.

Kepada pihak pentadbiran yang bertindak sebagai urus setia dalam proses kenaikan pangkat staf akademik, buku ini akan menjadi rujukan dan panduan untuk mengurus dan mengawal selia semua proses dan prosedur yang telah ditetapkan.

Saya amat berharap dengan terbitnya buku ini akan dapat meningkatkan pengetahuan serta memberi manfaat yang besar kepada semua staf yang terlibat secara langsung mahupun tidak.

Sekian, terima kasih.

**Wan Mohd. Zawawi bin Wan Abd. Rahman**

Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

2010



POLISI DAN PROSEDUR  
KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
INI TELAH DILULUSKAN OLEH  
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI  
DI DALAM MESYUARATNYA  
BIL. 57/2009 PADA  
12 NOVEMBER 2009  
&  
TELAH DILULUSKAN  
PELAKSANAANNYA BERMULA  
1 SEPTEMBER 2010 OLEH  
JAWATANKUASA PENGURUSAN  
UNIVERSITI  
DI DALAM MESYUARATNYA  
BIL. 17/2010 PADA  
23 OGOS 2010



# **PENDAHULUAN**

**Sejarah Penubuhan UTM**

**Latar Belakang Universiti**

**Sejarah Pentadbiran Universiti**

**Falsafah Universiti**

**Carta Organisasi**

**Objektif Penerbitan**

**Punca Kuasa**

# PENDAHULUAN

## Sejarah Penubuhan UTM

Sejarah penubuhan institusi pengajian tinggi ini bermula pada tahun 1904 sebagai sebuah kelas pengajian teknik di Bangunan Dewan Bandaran Kuala Lumpur. Pada tahun 1906, kelas teknik telah dijadikan Sekolah Teknik, bertempat di Sekolah Batu Lane dan kemudian berpindah ke Bangunan Muzium, di Bukit Nanas. Objektif utama mewujudkan sebuah sekolah teknik ketika itu adalah untuk melatih tenaga pekerja bagi mengendalikan pembangunan prasarana seperti jalan raya dan jalan keretapi menghubungkan pusat-pusat perlombongan ke bandar persisiran Selat Melaka seperti Taiping di Larut, Kuala Lumpur di Selangor dan Seremban di Sungai Ujung.

Pada tahun 1925, Sekolah Teknik yang baru telah dibuka di Jalan Brickfields (Jalan Tun Sambathan), Kuala Lumpur. Sekolah Teknik ini dikelolakan oleh Jabatan Kerja Raya untuk melatih kakitangan teknik Jabatan Keretapi, Jabatan Ukur dan Jabatan Kerja Raya. Kemudian, pada tahun 1930, Sekolah Teknik Kuala Lumpur telah diperbesarkan di tapak baru di High Street, iaitu kini di Jalan Bandar.

Pada tahun 1941, sekolah Teknik ini telah disyorkan agar dinaik taraf ke peringkat maktab. Namun ia tidak dapat dilaksanakan akibat meletusnya Perang Dunia Kedua. Rancangan tersebut hanya dapat dilaksanakan pada tahun 1946, dengan dikenali sebagai Maktab Teknik. Ketika itu, Maktab Teknik menawarkan kursus peringkat diploma yang mengambil masa tiga tahun. Bidang yang ditawarkan ialah Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Jentera, Kejuruteraan Elektrik, Senibina, Perancang Bandar dan Kampung, Ukur Tanah dan Ukur Bahan. Pembinaan Maktab Teknik yang baru di Jalan Gurney (kini Jalan Semarak), Kuala Lumpur bermula dalam tahun 1951 dan mula digunakan pada bulan Mac 1955.

Pada tahun 1960, Maktab Teknik telah mengorak langkah dengan mengendalikan kursus kejuruteraan di peringkat ikhtisas. Pelajar yang mengikuti kursus ini mengambil peperiksaan ikhtisas yang dianjurkan oleh Institution of



Civil Engineers dan Institution of Electrical Engineers, United Kingdom. Kursus ini adalah bertaraf ijazah dan kemajuan yang dicapai oleh para pelajar sangatlah menggalakkan. Pada tahun 1967, Jawatankuasa Perancang Pelajaran Tinggi telah memperakukan supaya Maktab Teknik dinaikkan taraf sebagai sebuah institusi bertaraf Universiti mulai tahun 1969. Walau bagaimanapun, perakuan tersebut hanya terlaksana tiga tahun kemudian, iaitu dengan tertubuhnya Institut Teknologi Kebangsaan pada 14 Mac 1972, di bawah Seksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Pada 1 April 1975, nama institut ini telah ditukar kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

### **Latar Belakang Universiti**

Bermula daripada Sekolah Teknik dan dinaik taraf kepada Maktab Teknik pada tahun 1946, perjalanan dari sebuah sekolah ke Universiti akhirnya sempurna apabila institusi ini menjadi Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1975. Semenjak penubuhannya, UTM telah diamanahkan untuk melahirkan graduan yang kompeten dan berkebolehan dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan dan sehingga ke hari ini UTM kekal sebagai sebuah institusi terkemuka dalam bidang pembangunan sains dan teknologi, inovasi dan pencapaian. Kini UTM merupakan Universiti yang unggul dan ternama di rantau ini dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.

UTM berhasrat untuk menjadi Universiti Bertaraf Dunia, dan untuk menjadikan matlamat ini satu kenyataan, UTM telah merintis jalan ke arah menjadi organisasi pembelajaran yang menyemai dan memupuk budaya cemerlang dan terbilang.

Dalam usahanya, UTM terus mencetuskan dan mengukuhkan kecemerlangannya dengan memastikan kualiti menerusi:

- Sistem tadbir urus yang berkesan yang disokong oleh staf pentadbiran (Pengurusan dan Sokongan) yang berkompentensi dan dinamik.
- Staf yang berwibawa dengan kelulusan terbaik, dedikasi dan tumpuan yang tidak berbelah bahagi untuk penambahbaikan berterusan dalam disiplin atau bidang pengkhususan masing-masing.



- Staf yang berwibawa dengan reputasi tersohor dan kredibiliti terkemuka yang diiktiraf dan dikenali ramai atas kecemerlangan dalam penyelidikan dan budaya inovasi.
- Suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan berkesan untuk memastikan modal insan yang cemerlang dan staf sokongan yang kompeten.
- Pengambilan pelajar yang berkualiti tinggi dan melahirkan graduan dengan pencapaian yang seimbang antara akademik dengan penglibatan ko-kurikulum untuk memastikan modal insan yang cemerlang dan berkualiti.
- Perkongsian bestari dan jalinan strategik dengan pihak industri dan berkepentingan menghasilkan kerjasama dan sinergi yang bermakna.

### **Sejarah Pentadbiran Universiti**

Selaras dengan perkembangan pesat Universiti, pihak pengurusan Universiti dari semasa ke semasa telah membuat penyelarasan semula pentadbiran berikutan bilangan pelajar, kursus, staf, dan fakulti yang bertambah. Atas keperluan ini, Universiti telah memperkenalkan sistem pengurusan berpusat kepada sistem pengurusan modular bermula pada tahun 1993.

Asas ini telah diteruskan sehingga ke hari ini dan adanya penambahbaikan dari semasa ke semasa. Ini dapat mengurangkan karenah birokrasi dan menjadikan sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus lebih mantap dan berkesan. Sistem modular ini dilaksanakan bagi mengambil kira usaha untuk menyediakan pelan strategik ke arah Universiti Bertaraf Dunia.



## **Falsafah UTM**



## **Menjana Minda Kreatif dan Inovatif**

### **FALSAFAH UNIVERSITI**

Hukum Allah adalah dasar kepada sains dan teknologi. Maka Universiti Teknologi Malaysia berusaha secara menyeluruh dan bersepadu memperkembangkan kecemerlangan sains dan teknologi untuk kesejahteraan dan kemakmuran sejagat sesuai dengan kehendak-Nya.

### **VISI**

Diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia.

### **MISI**

Menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif demi pengkayaan khazanah Negara.

### **COGANKATA UNIVERSITI**


“KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA”



# Struktur Organisasi Universiti



## UTM ORGANISATIONAL STRUCTURE



## Objektif Penerbitan

Objektif penerbitan Garis Panduan Polisi Kenaikan Pangkat Staf Akademik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini adalah mencukupi aspek berikut:

- Menerangkan proses dan prosedur kenaikan pangkat yang sedang berkuatkuasa dan diguna pakai di UTM.
- Menetapkan satu peraturan yang standard bagi semua fakulti yang mesti dipatuhi oleh Pemohon, Ketua Jabatan, Dekan Fakulti, Dekan Research Alliance dan Pentadbir yang terlibat.



- (c) Memberi panduan kepada Pemohon tentang langkah-langkah yang perlu diambil sebelum membuat permohonan.
- (d) Menjadi sumber rujukan kepada Urus Setia dalam mengurus dan mengawal selia semua proses kenaikan pangkat.
- (e) Merupakan proses “*Check and Balance*” di mana Pemohon dan Urus Setia Fakulti boleh memantau perjalanan proses kenaikan pangkat dengan lebih sistematik.

### **Punca Kuasa**

Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Pendaftar, UTM berperanan sebagai Urus Setia Pusat dalam proses kenaikan pangkat untuk semua staf UTM, manakala Bahagian Pengurusan Modal Insan fakulti pula sebagai Urus Setia di peringkat fakulti.

Proses yang terlibat meliputi dari hebahan pelawaaan kenaikan pangkat atau iklan, memproses borang, mengendalikan mesyuarat jawatankuasa, sehinggalah kelulusan Pihak Pengurusan Universiti dan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

Urus setia kenaikan pangkat mendapat kuasa untuk menjalankan proses ini daripada :

- a) Matlamat UTM 2001 - 2010 yang ke-5, iaitu “Membangunkan Sumber Manusia Serta Persekitaran Profesional Yang Cemerlang”.
- b) Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia (Akta 30), Perkara 6 (1) Kuasa Universiti iaitu :
  - i. Melantik dan menaikkan pangkat pekerja Universiti;
  - ii. Mengadakan jawatan dan kedudukan yang diperlukan bagi menjalankan fungsi kakitangan akademik dan sokongan.



# **BAHAGIAN 1**

## **DEFINISI ISTILAH KENAIKAN PANGKAT**

- 1.1 Definisi Istilah Kenaikan Pangkat**
- 1.2 Peranan dan Tanggungjawab**
- 1.3 Urus Setia Kenaikan Pangkat**
- 1.4 Jawatankuasa Pemilih bagi Pelantikan ke  
Jawatan Guru Selain Kursi**
- 1.5 Jawatankuasa Pemilih bagi Pelantikan ke Satu  
Jawatan Kursi**
- 1.6 Iklan dan Hebahan Pelawaan Kenaikan  
Pangkat**

# BAHAGIAN 1

## DEFINISI ISTILAH KENAIKAN PANGKAT

### 1.1 Definisi Istilah Kenaikan Pangkat

Tafsiran-tafsiran yang digunakan di dalam proses kenaikan pangkat staf akademik adalah seperti berikut :

- (a) **Lembaga Pengarah** ertinya Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia seperti disebutkan dalam seksyen 16' Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia yang mempunyai kuasa sebagaimana dijelaskan dalam seksyen 19' Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.
- (b) **Naib Canselor** ertinya seorang Ketua Eksekutif bagi Universiti yang bertanggungjawab memastikan semua peruntukan Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia, statut, kaedah-kaedah dan peraturan- peraturan dipatuhi, dan menjalankan pengawasan am ke atas segala perkiraan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebijakan dan tatatertib di Universiti serta boleh menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah, dan peraturan-peraturan.
- (c) **Pihak Pengurusan Universiti** ertinya Pihak Pengurusan Universiti yang disebut dalam seksyen 15' Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia dan termasuk mana-mana Pihak Berkuasa yang ditubuhkan oleh statut.
- (d) **Timbalan Naib Canselor** ertinya seorang staf yang dilantik bagi memegang jawatan tersebut yang bertanggungjawab untuk membantu Naib Canselor dalam melaksanakan mana-mana kewajipan, kuasa, atau fungsi jawatannya.



- (e) **Pendaftar** ertinya Pendaftar atau Ketua Jabatan dalam Universiti yang menguruskan hal sumber manusia, hal akademik atau hal pentadbiran umum dan termasuklah mana-mana orang lain dengan gelaran apa jua disebut, yang dilantik ke jawatan sepenuh masa yang diwujudkan dan dinamakan sedemikian oleh statut atau selainya.
- (f) **Dekan** ertinya Ketua Jabatan dalam universiti yang mengetuai dan mengurus sebuah entiti akademik yang dinamakan sebagai Fakulti/Sekolah/Research Alliance atau apa jua nama yang ditetapkan bagi menjalankan fungsi sebagaimana yang ditetapkan dalam Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.
- (g) **Jawatankuasa Pemilih** adalah sebagaimana yang dinyatakan pada seksyen 23(1), 23(2), 23(3), 23(4), dan 23(5) Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.
- (h) **Guru** ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia dan ini termasuklah Profesor Madya Gred DS53, Pensyarah Gred DS51, dan Pensyarah Gred DS45.
- (i) **Ketua Jabatan** ertinya Ketua di mana jabatan tempat Pemohon bertugas.
- (j) **Pentadbir Akademik** ertinya staf akademik (berjawatan hakiki) yang dilantik menjawat jawatan pada tahap Ketua Jabatan dan ke atas, bagi menguruskan tugas-tugas pentadbiran/akademik di Fakulti/Pusat/ Institut/Bahagian/Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- (k) **Pentadbir** ertinya staf tadbir di mana fakulti tempat Pemohon bertugas.
- (l) **Urus Setia Pusat** ertinya Seksyen Perjawatan (Kenaikan Pangkat Akademik), Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Pendaftar, UTM dan Bahagian Pengurusan Modal Insan, Fakulti.



- (m) **Urus Setia Fakulti** Pentadbir yang menguruskan Pengurusan Modal Insan di mana fakulti tempat Pemohon bertugas.
- (n) **Penilai Luar Jawatan Profesor** ertinya Profesor daripada universiti - universiti terkemuka dari dalam dan luar negara, yang diiktiraf di dalam bidang kepakaran masing-masing yang diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti untuk menilai kelayakan Pemohon dari segi akademik.
- (o) **Penilai Luar Jawatan Profesor Madya** ertinya Profesor Madya dan Profesor daripada universiti - universiti di dalam dan luar negara yang diiktiraf di dalam bidang kepakaran masing-masing, yang diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti untuk menilai kelayakan pemohon dari segi akademik.
- (p) **Jawatankuasa Pemilih bagi Pelantikan ke Suatu Jawatan Kursi** ertinya Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menemuduga dan menilai kelayakan pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk permohonan ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan ke atas.
- (q) **Jawatankuasa Pemilih bagi Jawatan Guru Selain Jawatan Kursi** ertinya Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menemuduga dan menilai kelayakan pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk permohonan ke jawatan Pensyarah Kanan Gred (DS52) dan Profesor Madya Gred (DS54).
- (r) **Staf Akademik** ertinya jawatan-jawatan yang diwujudkan di Universiti Teknologi Malaysia yang mana kelayakan masuk ke jawatan tersebut adalah sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana, tidak termasuk jawatan Guru Bahasa, yang tugasnya adalah untuk mengajar, menyelidik, dan membuat kerja-kerja perundingan.
- (s) **Indeks Petikan** ertinya indeks kepada rujukan daripada penerbitan yang digunakan oleh penulis yang membolehkan pengguna/perujuk

mengenal pasti perujuk terkini atau terdahulu.

- (t) **Jurnal Berwasit** ertinya terbitan berkala oleh institut atau persatuan tertentu yang diiktiraf. Mengandungi artikel ilmiah atau berita dan laporan mengenai penyelidikan dan perkembangan terkini bidang yang tertentu/berkenaan.
- (u) **Jurnal Berwasit Antarabangsa (ISI)** ertinya jurnal berwasit Antarabangsa yang disenaraikan di dalam Web of Science oleh Journal Citation Report.
- (v) **Monograf** ertinya bukan terbitan berkala, mengandungi teks dan/atau ilustrasi, sama ada lengkap dalam satu jilid atau beberapa jilid.
- (w) **Jurnal Rujukan** (juga dikenali sebagai *peer-reviewed journal*) bermaksud ilmiah dalam jurnal ini disemak (*structured reviewing system*) oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang pakar dalam bidang yang berkaitan sebelum diterbitkan.
- (x) **Kenaikan Pangkat** ertinya peningkatan secara hierarki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi di dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat.

## 1.2 Peranan dan Tanggungjawab

### (a) **Dekan Fakulti**

Dekan Fakulti bertanggungjawab untuk membuat perakuan serta penilaian yang adil kepada setiap Pemohon di dalam membuat Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT).

Setelah seseorang staf daripada fakultinya dinaikkan pangkat, Dekan Fakulti hendaklah mengatur semula tugas dan tanggungjawab staf tersebut supaya sesuai dengan gred hakiki yang disandang.



(b) **Dekan Research Alliance**

Dekan *Research Alliance* bertanggungjawab untuk membuat perakuan serta penilaian yang adil kepada setiap Pemohon di dalam membuat Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT).

(c) **Ketua Jabatan**

Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk membuat perakuan serta penilaian yang adil kepada setiap Pemohon di dalam membuat Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) dan Laporan Perakuan Kenaikan Pangkat.

Ketua Jabatan juga haruslah menentukan Penilai-penilai Luar yang berkeelayakan, berkebolehan, dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang sama dengan pemohon.

(d) **Penilai Luar (Referee)**

Penilai Luar hendaklah mempunyai kepakaran di dalam bidang yang sama atau berkaitan dengan bidang kepakaran calon; dan berkhidmat dengan organisasi selain UTM sama ada organisasi dalam Negara atau luar Negara; serta mempunyai gred jawatan yang lebih tinggi daripada calon.

**(Terma Rujukan bagi Penilai Luar seperti di Lampiran 1)**

(e) **Jawatankuasa Penilai Kesepakatan (Peer-Review Committee)**

Penilai Kesepakatan terdiri daripada tiga (3) orang staf akademik (Pengerusi; dan dua (2) orang ahli di mana sekurang-kurangnya seorang ahli adalah dari luar UTM) yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan dan mempunyai gred jawatan lebih tinggi daripada Pemohon. Selain pakar bidang di fakulti, Penilai Kesepakatan boleh juga terdiri daripada staf fakulti yang berlainan.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai kepakaran Pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan *Key Performance Indicator* bagi permohonan jawatan Profesor Madya Gred DS54 dan ke atas.

**(Terma Rujukan bagi Jawatankuasa Penilai Kesepakatan seperti**



**di Lampiran 2)**

**(f) Pemohon**

Pemohon bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan kepada Urus Setia dengan cara:

(i) Mengisi surat permohonan kenaikan pangkat.

**(Format Surat Permohonan seperti di Lampiran 3)**

(ii) Pernyataan Peribadi (mengikut format ditetapkan).

**(Format Pernyataan Peribadi seperti di Lampiran 4)**

(iii) CV lengkap terkini (mengikut format ditetapkan).

**(Format CV seperti di Lampiran 5)**

**(g) Urus Setia Fakulti**

Urus Setia Fakulti adalah bertanggungjawab untuk:

i) Menyemak permohonan calon yang memenuhi syarat-syarat ditetapkan, iaitu:

(a) Laporan Penilaian Prestasi Tahunan staf mencapai sekurang-kurangnya 80% bagi tiga (3) tahun berturut-turut; dan

(b) Lulus peperiksaan tahap kecekapan (PTK) pada aras III/aras IV.

ii) Mencalonkan lima (5) orang Penilai Luar dan mendapatkan kelulusan daripada Pihak Pengurusan Universiti.

iii) Mencalonkan Panel Jawatankuasa Penilai Kesepakatan dan mendapatkan kelulusan daripada Pihak Pengurusan Universiti.

iv) Mengumpulkan perakuan daripada Ketua Jabatan, Dekan Fakulti dan Dekan *Research Alliance*.





- v) Memastikan dan mengesahkan setiap pemohon telah melepasi syarat minimum yang ditetapkan (kecuali dalam kes tertentu).
- vi) Menghantar CV lengkap kepada Penilai Luar mengikut jawatan dan memastikan laporan diterima mengikut masa yang telah ditetapkan.
- vii) Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Penilai Kesepakatan (*Peer-review Committee*) bagi setiap calon mengikut bidang kepakaran masing-masing.
- viii) Mengemukakan laporan penuh mesyuarat Jawatankuasa Penilai Kesepakatan (*Peer-review Committee*) bersama maklumat lengkap Pemohon kepada Urus Setia Pusat.

(h) **Urus Setia Pusat**

Urus Setia Pusat adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih bagi Pelantikan ke suatu Jawatan Kursi/Jawatankuasa Pemilih bagi Jawatan Guru Selain Jawatan Kursi mengikut permohonan yang diterima.
- (ii) Menyediakan kertas kerja perakuan kenaikan pangkat ke Jawatankuasa Pengurusan Universiti/Lembaga Pengarah Universiti mengikut kategori permohonan.

### 1.3 Urus Setia Kenaikan Pangkat

- (a) Urus setia kenaikan pangkat di peringkat pusat ialah :

Seksyen Perjawatan (Kenaikan Pangkat Staf Akademik),  
Bahagian Pengurusan Modal Insan,  
Pejabat Pendaftar,  
Universiti Teknologi Malaysia.



(b) Urus Setia kenaikan pangkat di peringkat fakulti ialah :

Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Timbangan Pendaftar,  
Unit Pengurusan Modal Insan,  
Fakulti .....,  
Universiti Teknologi Malaysia.

#### **1.4 Jawatankuasa Pemilih bagi Pelantikan ke Jawatan Guru selain Kursi**

Jawatankuasa Pemilih ini merupakan Jawatankuasa di peringkat Universiti yang bertanggungjawab untuk menemuduga dan menilai kelayakan pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan *Key Performance Indicator* untuk permohonan ke jawatan Pensyarah Kanan (Gred DS52) dan Profesor Madya (Gred DS54).

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan ahli-ahlinya terdiri daripada:

- (a) Dua (2) Ahli Senat yang berjawatan Profesor dan dipilih oleh Senat.
- (b) Dekan fakulti Pemohon yang terlibat.
- (c) Pendaftar.
- (d) Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar (Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Pendaftar) sebagai Setiausaha.

#### **1.5 Jawatankuasa Pemilih Bagi Pelantikan Ke Satu Jawatan Kursi**

Jawatankuasa Pemilih ini merupakan Jawatankuasa di peringkat Universiti yang bertanggungjawab untuk menemuduga dan menilai kelayakan pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk permohonan ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) dan ke atas.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Canselor, dengan ahli yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU), iaitu:



- (a) Seorang ahli LPU yang mewakili Lembaga.
- (b) Dua (2) orang yang mewakili Senat.
- (c) Dekan fakulti Pemohon yang terlibat.
- (d) Pendaftar sebagai Setiausaha.

Panel Penapis Peringkat Universiti bagi jawatan Profesor (Gred Khas C, B, dan A) hendaklah dipengerusikan oleh Naib Canselor dan ahli-ahlinya terdiri daripada:

- (a) Dua (2) orang ahli Senat yang dipilih oleh Senat yang berjawatan Profesor.
- (b) Dekan fakulti Pemohon yang terlibat.
- (c) Pendaftar sebagai Setiausaha.

## **1.6 Iklan dan Hebahan Pelawaan Kenaikan Pangkat**

Iklan dan hebahan pelawaan bagi tujuan kenaikan pangkat bagi sesuatu jawatan akan diuruskan oleh Pejabat Pendaftar. Iklan atau hebahan pelawaan akan dimaklumkan kepada staf-staf melalui kaedah berikut:

- (a) Bagi jawatan-jawatan Staf Akademik, permohonan boleh dibuat sepanjang tahun. Permohonan tersebut boleh dibuat setelah pemohon memenuhi syarat minimum dan melepasi tahap minimum Kriteria Kenaikan Pangkat.

Proses kerja permohonan kenaikan pangkat staf akademik UTM adalah seperti di **Lampiran 6**.



# **BAHAGIAN 2**

## **KRITERIA KENAIKAN PANGKAT**

- 2.1 Syarat Skim Perkhidmatan**
- 2.2 Syarat Minimum Kenaikan Pangkat Mengikut Skim**
- 2.3 Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat**
- 2.4 Ringkasan Peratusan**
- 2.5 Pemilihan**

## **BAHAGIAN 2**

### **KRITERIA KENAIKAN PANGKAT**

#### **2.1 Syarat Skim Perkhidmatan**

Syarat-syarat kenaikan pangkat sepertimana yang diperuntukan dalam Skim Perkhidmatan mengikut gred adalah seperti berikut:

##### **2.1.1 *Kenaikan Pangkat ke Jawatan Pensyarah Kanan Gred DS52***

Pensyarah Universiti Gred DS45 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS52 apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan.
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- (c) Melempi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan.
- (d) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

##### **2.1.2 *Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Madya Gred DS54***

Pensyarah Universiti Gred DS51/DS52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan.
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- (c) Melempi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan.
- (d) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.



### **2.1.3 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas Gred C (VK7)**

Pensyarah Universiti Gred DS54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan.
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- (c) Melempi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan.
- (d) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

### **2.1.4 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) Dalam Keadaan Istimewa**

Pensyarah Universiti Gred DS45/DS51/DS52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan.
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya.

### **2.1.5 Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Gred Khas yang lebih tinggi**

Pensyarah Universiti Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan.
- (b) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU).



(c) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

## **2.2 Syarat Minimum Kenaikan Pangkat Mengikut Skim**

### **2.2.1 Syarat Umum**

Untuk proses kenaikan pangkat, semua staf di UTM haruslah memenuhi syarat umum berikut, iaitu:

- (a) Memenuhi syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan oleh Skim Perkhidmatan.
- (b) Mencapai prestasi yang ditetapkan iaitu:
  - (i) Mencapai sekurang-kurangnya 80% untuk Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun terakhir sebelum permohonan.
  - (ii) Mencapai sekurang-kurangnya 80% untuk setiap kriteria utama yang ditetapkan.
- (c) Diperakukan oleh Dekan Fakulti/Dekan *Research Alliance*/ Ketua Jabatan.
- (d) Untuk kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS52 dan Profesor Madya Gred DS54 dan ke atas, pemohon dikehendaki mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D).
- (e) Kenaikan istimewa ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 dan ke atas, pemohon mestilah telah menunjukkan prestasi cemerlang yang sangat luar biasa di dalam bidang kepakarannya.
- (f) Staf akademik yang berumur 48 tahun ke atas boleh diberi pertimbangan khas untuk kenaikan pangkat dengan menunjukkan kecemerlangan dalam bidang kepakaran serta memperoleh Sasaran Kerja Tahunan (SKT) atau Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) sekurang-kurangnya 85% bagi tiga tahun berturut-turut.
- (g) Penilaian khas (jika diperlukan) akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik.



- (h) Bagi staf akademik yang bercuti tanpa gaji melebihi satu (1) tahun atas sebab kepentingan Universiti, markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) untuk tiga (3) Tahun sebelum staf Cuti Tanpa Gaji (CTG) boleh diberikan pertimbangan.

### **2.2.2 Kriteria utama dan taburan markah bagi kenaikan pangkat staf akademik UTM**

Kriteria utama bagi kenaikan pangkat staf akademik UTM adalah seperti berikut:

<b>GREED</b>	<b>Penyelidikan dan Penerbitan (%)</b>	<b>Pengajaran dan Penyeliaan (%)</b>	<b>Sanjungan Akademik dan Kepimpinan Akademik (%)</b>	<b>Khidmat kepada Universiti dan Masyarakat (%)</b>	<b>Perundingan Jaringan Industri (%)</b>	<b>Jumlah (%)</b>
<b>DS52</b>	<b>40</b>	<b>55</b>	<b>0</b>	<b>5</b>		<b>100</b>
<b>DS54</b>	<b>45</b>	<b>40</b>	<b>5</b>	<b>10</b>		<b>100</b>
<b>PROF. A/B/C</b>	<b>45</b>	<b>30</b>	<b>10</b>	<b>15</b>		<b>100</b>

Syarat:

1. Kesemua empat (4) kriteria di atas perlu dipenuhi.
2. Markah minimum untuk layak memohon adalah sebanyak 80% bagi setiap kriteria dan 80% bagi jumlah keseluruhan.

## **2.3 Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat**

### 2.3.1 Bidang Sains dan Teknologi

***(Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat bagi bidang Sains dan Teknologi seperti di Lampiran 7)***

### 2.3.2 Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan

***(Sub Bidang dan Kriteria Utama Kenaikan Pangkat bagi bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan seperti di Lampiran 8)***





2.3.3 Kriteria Tambahan (Untuk Pertimbangan Panel Penilai/Temuduga)  
**(Kriteria Tambahan - Untuk Pertimbangan Panel Penilai/  
Temuduga seperti di Lampiran 9)**

## **2.4 Ringkasan Peratusan**

Kesemua kriteria tersebut akan dijadikan ke dalam bentuk peratus (%) mengikut jumlah peratusan yang telah ditetapkan.

***(Ringkasan Peratusan seperti di Lampiran 10)***

## **2.5 Pemilihan**

Pemilihan calon-calon untuk kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilih yang berkenaan.



# **BAHAGIAN 3**

## **PERIHAL MENGENAI KENAIKAN PANGKAT**

- 3.1 Prinsip Penetapan Gaji**
- 3.2 Tarikh Pergerakan Gaji**
- 3.3 Tarikh Kenaikan Pangkat**
- 3.4 Staf yang Bercuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Belajar Berbiasiswa, Cuti Separuh Gaji, dan Tanpa Gaji**
- 3.5 Staf yang Dilantik Secara Kontrak, Sementara, Sambilan dan Sebagainya**
- 3.6 Staf yang Dilantik Secara Pertukaran Sementara dan Pinjaman**
- 3.7 Staf yang Dilantik Memegang Jawatan Pentadbir Akademik**
- 3.8 Prestasi Staf Akademik**
- 3.9 Kelayakan Penilaian Tahap Kecekapan untuk Kenaikan Pangkat Staf Akademik**
- 3.10 Jadual Tahap Kecekapan untuk Staf Akademik**

# **PERIHAL MENGENAI KENAIKAN PANGKAT**

- 3.11 Laporan Penilai Luar untuk Permohonan Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Madya**
- 3.12 Laporan Penilai Luar untuk Permohonan Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor**
- 3.13 Laporan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan bagi Permohonan Kenaikan Pangkat Staf Akademik**
- 3.14 Bayaran untuk Penilai Luar dan Jawatankuasa Penilai Kesepakatan**
- 3.15 Pengecualian Syarat**
- 3.16 Panduan Pelaksanaan**

